

sedikit pun kerana ia akan membawa racun ke dalam tubuh ular yang terpotong itu. Racun itu akan berjalan menerusi percantuman yang walau sedikit jua pun kerana kemarahannya disebabkan sakit terpotong itu.

Tetakan itu mestilah sama-sama datangnya di kepala dan ekornya – tidak boleh didahulu dan dikemudiankan.

Demikianlah ringkasnya keterangan daripada kitab “*al-Furūq*” itu. Telah menjadi lazim bagi ular yang mengandung bisa seperti tedung atau seumpamanya apabila ia marah maka seluruh anggotanya beracun dan sebab itu kalau ia hendak memituk¹ ia mendirikan tubuhnya sebegitu garang baharu memituk.

* * *

Berserah Kepada Takdir

Muhammad bin Yusuf, Sekolah Umum, Badak Kelantan bertanya:

Apabila dibandingkan taraf di antara orang Melayu dengan orang-orang bangsa asing di negeri kita hari ini maka kita dapati orang Melayulah yang lemah di dalam beberapa lapangan. Adakah perkara ini kita mesti serah kepada takdir? Harap tuan terangkan.

Jawab: Di dalam al-Qur’ān, surah *al-Ra’d* ayat 12 ada menyebut maksudnya (Bahawasanya Allah tidak akan mengubah (nasib) sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri mengubah nasibnya).

Berserah kepada takdir dengan tidak berikhtiar dan berusaha maka celaka padahnya. Nabi Muḥammad tidak mengajar kita begitu. Tiap-tiap orang disuruh berusaha dengan bersungguh-sungguh sambil bertawakal kepada Tuhan tentang hal yang didapatinya. Bagi seorang Islam ia tidak boleh

putus asa daripada berusaha sambil berdoa kepada Tuhan semoga Tuhan menyampaikan usaha kita.

Kalau anak-anak dagang maju di dalam perusahaannya, kaya raya, sedang kita anak negeri tidak maka yang demikian bukannya sebab takdir tetapi sebab kelemahan kita di dalam kesungguhan berusaha. Orang-orang asing cukup cergas berusaha, siang malam ia berusaha tetapi orang kita kalau telah mendapat yang sedikit memadailah untuknya dan terkadang-kadang menghabiskan yang ada baharu mau bekerja. Sebab itu untuk bersaing atau menyaingi anak dagang maka hendaklah kita menumpukan usaha kita. Kita tidak boleh berserah kepada takdir! Perserahan dalam hal seperti ini bukan pada tempatnya.

* * *

Omar Ahmad, Nombor 4 Jalan Seberang Patani Selatan,

Nahai bertanya:

Dolah berkahwin dengan Aminah, kemudian bercerai, Dolah dan Aminah masing-masing berkahwin lain. Setelah itu bercerai pula yakni Dolah bercerai dengan isterinya yang baru dan Aminah bercerai dengan suaminya yang baru juga. Maka kedua-duanya berkahwinlah pula, yakni Dolah berkahwin pula dengan Aminah sebagai kali yang kedua, kemudian bercerai pula, berkahwin; bercerai dan berkahwin pula. Jadi Dolah berkahwin dengan Aminah empat kali dan bercerai 3 (tiga kali). Tetapi perceraian yang pertama telah pun masing-masing berkahwin lain. Jadi selepas kedua-dua berkahwin lain, Dolah dengan Aminah berkahwin 3 kali dan bercerai dua kali berturut-turut. Maka adakah haram perkahwinan Dolah dengan Aminah pada kali yang keempat ini; dan bagaimanakah jika hendak dibilangkan perceraian mereka mengikut Islam yakni perceraian yang pertama tadi? Adakah dianggapkan

¹ mematuk

termasuk dalam bahagian perceraian yang kemudian dua kali berturut-turut?

Jawab: Di dalam perceraian ini yang pertama yang ia telah berbalik kepadanya tidak mengapa tetapi setelah kahwin yang kedua maka jika ia telah bercerai selama tiga kali maka ia tidak boleh kahwin lagi melainkan perempuan itu telah berkahwin dengan orang lain. Yang dikehendaki dengan tiga perceraian itu ialah tidak berturut-turut. Jika ia kahwin kemudian bercerai dua kali, kemudian perempuan itu bersuami lain lalu kahwin semula kepada suaminya yang pertama – ini tidak mengapa, dan begitulah seterusnya tetapi kalau sudah bercerai tiga kali kemudian nikah balik ia tidak boleh melainkan perempuan itu telah bersuami dan bercerai pula dengan suaminya yang baharu itu.

* * *

Saya Muhammad Yusuf bin Ali Kampung Bonggol

Terengganu bertanya:

Anak lelaki dan perempuan, antara ibu dan bapa sehingga umur berapa tahun yang boleh tidur berdekatan dengan ibu bapanya demikian juga adik beradik (saudara lelaki dan saudara perempuan) yang belum berkahwin.

Jawab: Sebaik-baik umur kanak-kanak jangan tidur bercampur ialah dalam masa umurnya 7 hingga 9 tahun. Sesudah sembilan tahun adalah kurang baik mereka tidur setempat apa pula kalau mereka sudah akil baligh. Semolek-moleknya janganlah dibiasakan mereka tidur bercampur kerana percampuran itu ada kurang baiknya.

* * *

Ahmad Affandi, Sekolah Umum, Kuala Ganung,

Kuala Lipis bertanya:

Dalam risalah kecil “*Sujudlah Kepada Tuhanmu*”

ada menyebutkan begini:

“Abū Dhar al-Ghiffārī, sahabat besar, pada masa sujud di dalam sembahyangnya beliau bermohon kepada Tuhan supaya mengampuni tujuh puluh orang sahabatnya dengan menyebut nama satu persatu.” Di sini saya berharap kiranya tolong tuan beri penjelasan untuk pengetahuan saya.

1. Adakah beliau (al-Ghiffārī) bermohon dalam tiap-tiap sujud atau salah satu daripadanya.
2. Adakah permohonan itu dibuat sesudah membaca zikir dalam sujud atau sebelumnya.
3. Bolehkah kita bermohon dengan bahasa Melayu? Sakhah sembahyang seseorang yang berkata-kata selain apa yang disuruh baca dalam sembahyang? Mengikut kata guru yang mengajar saya, satu huruf sahaja berkata dalam sembahyang (selain dari apa yang disuruh baca) maka batallah sembahyang itu.

Jawab: (1) Boleh dibuat dalam tiap-tiap sujud atau di dalam sujud yang akhir.

(2) Sebaik-baiknya sesudah zikir. Sujud, dan (3) kerana sembahyang itu mesti dikerjakan di dalam bahasa Arab dan ia ibadat maka hendaklah digunakan di dalam bahasa Arab. Saudara boleh mendapat beberapa contoh bacaan atau doa di dalam sujud yang dibuat oleh Rasulullah (S.A.W) di dalam kitab *Ibadah Rasulullah* atau di dalam kitab-kitab fikah yang besar.